



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Galakan Pelaburan (Pindaan) (No. 2) 1981

DR.29/1981

D. R. No. 29 81

Naskhah sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Sesuatu Akta untuk meminda Akta Galakan Pelaburan 1968.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Galakan Pelaburan (Pindaan) (No. 2) 1981 dan hendaklah, tertakluk kepada seksyen kecil (2), disifatkan telah berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1975.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

(2) Peruntukan-peruntukan dalam seksyen 3 hendaklah disifatkan telah berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1982.

2. Akta Galakan Pelaburan 1968, yang disebut "Akta utama" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan tahun "1973" yang terdapat dalam proviso kepada seksyen-seksyen 30B (2) dan 30H (1), dan dalam seksyen 30J dengan tahun "1986".

Pindaan
seksyen 30B,
30H dan 30J.
13/68.

3. Akta utama adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 30K, seksyen 30KA baru yang berikut:

Seksyen
30KA baru.

"Kredit
Cukai
Hotel.

30KA. (1) Jika dalam tempoh asas bagi tahun taksiran sesuatu syarikat (lain daripada syarikat perintis atau syarikat yang telah diberi kelulusan di bawah seksyen 12A atau 12B) telah melakukan apa-apa perbelanjaan modal ke atas bangunan hotel mengikut standard yang diluluskan dibina dalam Malaysia bagi

maksud-maksud mana-mana projek yang diluluskan, termasuk apa-apa perubahan, tambahan dan ubahbaruan, maka hendaklah diberi kepada syarikat itu bagi tahun taksiran tersebut suatu kredit cukai hotel sebanyak amaun (iaitu tidak kurang daripada dua puluh lima peratus daripada perbelanjaan itu) yang diluluskan oleh Menteri Kewangan:

Dengan syarat bahawa kelulusan tidak boleh diberi mengenai sesuatu bangunan hotel yang terletak dalam Kawasan A melainkan jika perbelanjaan itu dilakukan antara 1hb Januari 1981 dengan 31hb Disember 1986.

(2) Kredit yang diberi di bawah seksyen kecil (1)—

(a) hendaklah, tertakluk kepada seksyen kecil (4), diberi hanya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas yang baginya perbelanjaan tersebut telah dilakukan; dan

(b) tidak boleh diberi mengenai perbelanjaan yang telah dilakukan lebih daripada enam tahun selepas permulaan tempoh asas dalam mana projek yang berkenaan itu telah diluluskan bagi maksud-maksud seksyen ini.

(3) Jika suatu kredit diberi kepada suatu syarikat di bawah seksyen kecil (1) bagi suatu tahun taksiran, pendapatan larasan syarikat itu bagi tempoh asas bagi tahun tersebut sebanyak mana yang sama dengan amaun kredit itu atau dengan jumlah amaun kredit-kredit itu, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikecualikan dari cukai di bawah Akta ibu bagi tahun taksiran tersebut.

(4) Jika, oleh kerana tidak cukupnya atau tidak adanya pendapatan larasan sesuatu syarikat dari sesuatu perniagaan syarikat itu bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, kredit atau kredit-kredit yang berhak didapati oleh syarikat itu di bawah seksyen ini bagi tahun tersebut tidak boleh diberi atau tidak boleh

diberi sepenuhnya berhubung dengan punca yang terdiri dari perniagaan tersebut, maka, walau apa pun peruntukan seksyen-seksyen kecil (1) hingga (3), kredit atau kredit-kredit yang berkenaan itu sebanyak mana yang tidak boleh diberi bagi tahun tersebut hendaklah disifatkan sebagai suatu kredit yang akan diberi kepada syarikat itu di bawah seksyen ini bagi tahun taksiran pertama yang kemudiannya bagi tempoh asas yang ada pendapatan larasan baginya dari perniagaan tersebut, dan demikianlah seterusnya bagi tahun-tahun taksiran yang kemudiannya sehingga syarikat itu telah menerima kesemua kredit atau kredit-kredit yang ia berhak mendapat itu.

(5) Jika apa-apa pendapatan dikecualikan dari cukai menurut seksyen kecil (3), seksyen-seksyen 21 dan 22 hendaklah dipakai bagi pendapatan tersebut (dengan apa-apa ubah-suaian yang perlu).

(6) Jika pada bila-bila masa dalam tempoh asas bagi mana-mana tahun taksiran terkecuali itu apa-apa syarat telah tidak dipatuhi, maka pengecualian yang diperuntukkan oleh seksyen kecil (3) hendaklah disifatkan tidak pernah terlaksana.

(7) Dalam seksyen ini "projek yang diluluskan" ertinya suatu projek yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang ditakrifkan dan apa-apa jua kelulusan itu boleh diberi tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa yang ditakrifkan itu dan boleh juga ditarik balik oleh pihak berkuasa yang ditakrifkan itu pada bila-bila masa."

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda peruntukan-peruntukan tertentu dalam Akta Galakan Pelaburan 1968.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda tahun "1973" dalam seksyen 30B (2), 30H (1) dan 30J dengan tahun "1986" supaya melanjutkan tempoh kelayakan membuat permohonan taraf perintis bagi hotel-hotel.

3. *Fasal 3* mengadakan satu seksyen 30KA baru untuk membolehkan perindustrian hotel dalam semua kawasan memohon kredit cukai hotel yang bermula pada 1hb Januari 1981 dan, bagi hotel-hotel dalam Kawasan A sahaja, yang berakhir pada 31hb Disember 1986. Kelayakan ini tidak meliputi hotel yang telahpun diluluskan dengan diberi taraf perintis di bawah seksyen 12A atau 12B Akta. Kredit cukai hotel adalah bertujuan memberi galakan yang lain bagi memajukan perindustrian hotel. Hasil penyelidikan telah menunjukkan bahawa pulangan atas wang pemegang syer bagi hotel-hotel adalah kurang daripada kos modal dan bahawa taraf perintis tidak memberi faedah-faedah yang dimaksudkan kepada kebanyakan hotel.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1130.]